

PEMAKLUMAN

PEKELILING CIDB BIL. 6/2024: PENGEMASKINIAN SYARAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR FASILITI

Merujuk kepada Pekeliling CIDB Bil. 6/2024, Pengemaskinian Syarat Pendaftaran Kontraktor Fasiliti telah dikeluarkan dan mula berkuat kuasa pada 15 Disember 2024. Pekeliling ini memaklumkan tentang pengemaskinian syarat pendaftaran bagi kontraktor Fasiliti khususnya bagi permohonan kod pengkhususan F02 di mana kontraktor diberi pilihan samaada memiliki Sijil SKKP Fasiliti Kesihatan yang dikeluarkan oleh CIDB; atau Sijil Certified Healthcare Facility Manager (CHFM) yang diperakukan oleh International Advisory Council for Healthcare Facility Management (IACHFM) bagi melayakkan kontraktor memohon kod pengkhususan F02. Berikut adalah butiran terperinci syarat tersebut:

Kod Pengkhususan	Sediaada Surat Pekeliling CIDB Bil 6/2023 Berkuatkuasa pada 01 Jun 2024	Terkini / Pindaan <u>Pekeliling CIDB Bil 6/2024</u> Berkuatkuasa pada 15 Disember 2024
F02	i. Memiliki kod pengkhususan F01 di dalam pendaftaran syarikat Dan ii. SKKP Fasiliti Kesihatan	i. Memiliki kod pengkhususan F01 di dalam pendaftaran syarikat Dan ii. Pilihan sijil kelayakan, kontraktor yang ingin memohon kod pengkhususan F02 perlu memiliki salah satu daripada sijil berikut: SKKP atau CHFM yang diperakukan oleh IACHFM

Kontraktor yang memenuhi salah satu daripada syarat sijil di atas serta memenuhi syarat-syarat lain yang telah ditetapkan layak untuk memohon dan memperoleh kod pengkhususan F02

Akronim :

CIDB	<i>Construction Industry Development Board</i>
SKKP	Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan
CHFM	<i>Certified Healthcare Facility Manager</i>
IACHFM	<i>International Advisory Council for Healthcare Facility Management</i>